



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

BILANGAN 1 TAHUN 2016

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGISIAN

KEKOSONGAN JAWATAN

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memberi garis panduan mengenai urusan pengisian kekosongan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Kumpulan Pelaksana yang menggunakan kelayakan masuk mengikut skim perkhidmatan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi tahun 2016.

LATAR BELAKANG

2. Bagi memastikan urusan pengambilan dilaksanakan dengan lebih cekap, cepat dan memenuhi kehendak pelanggan, pelbagai program transformasi dan usaha perkongsian maklumat giat dijalankan di antara Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dengan Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri.

3. Pengisian jawatan kosong yang dilaksanakan oleh SPA melalui urusan pengambilan adalah mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] dan pekeliling yang berkuat kuasa. Pengambilan seseorang calon bagi mengisi kekosongan jawatan juga adalah mengikut syarat-syarat yang terkandung dalam skim perkhidmatan yang ditetapkan.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGISIAN

Pengisian Perjawatan

4. Pengurusan perjawatan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira keutamaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.3 berkuat kuasa 11 Mac 2016 menetapkan perkara-perkara berikut:

- i. pelaksanaan satu-satu fungsi Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu dilakukan secara kreatif dan inovatif agar dapat mencapai tahap produktiviti tertinggi berdasarkan sumber manusia sedia ada;
- ii. pewujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (*trade off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tiada implikasi kewangan tambahan;
- iii. pewujudan jawatan baharu bagi jawatan kritikal yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan, kesihatan, keselamatan, penguatkuasaan dan kutipan hasil negara perlu dilaksanakan dengan kawalan ketat; dan
- iv. jawatan kosong yang tidak diisi melebihi dua (2) tahun hendaklah dimansuhkan.

5. Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat bertarikh 22 April 2015 mengenai Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia Secara Optimum memaklumkan bahawa permohonan pengisian jawatan lantikan tetap perlu disertakan dengan kelulusan pengisian daripada JPA. Permohonan pengisian sesuatu jawatan boleh dilakukan secara *online* melalui sistem ePengisian agar semua permohonan yang diterima daripada Pengurus Sumber Manusia (PSM) Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dan dipantau secara lebih berkesan. Pengguna ePengisian boleh dicapai di laman web SPA melalui alamat

http://imej.spa.gov.my/pdf/Manual_Pengguna.pdf. Sebarang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan oleh pihak SPA.

Pelantikan Secara Kontrak Di Bawah Objek Sebagai 29000 (OS29000)

6. SPA akan mempertimbangkan calon-calon yang diperakukan oleh Kementerian/ Jabatan untuk dilantik secara *contract of service* (COS) berpandukan kepada peraturan dan tatacara yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008. Melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.3 bertarikh 1 Mac 2016, pelantikan pegawai kontrak baharu di bawah peruntukan OS29000 adalah tidak dibenarkan kecuali bagi penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai. Permohonan lengkap mestilah dikemukakan kepada SPA selewat-lewatnya **3 bulan** sebelum tempoh kontrak terdahulu tamat. Setiap permohonan yang dikemukakan perlu disertakan dengan dokumen yang disahkan mengikut senarai semak yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008.

Mesyuarat Pra Penyata Lembaga Permulaan (Pra PLP)

7. Bagi memastikan permohonan dalam ePengisian dilaksanakan dengan sempurna, Mesyuarat Pra PLP bersama Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri akan diadakan sebelum urusan pemerolehan disediakan. Pihak Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu membuat pengesahan berhubung bilangan kekosongan, pemilihan bidang pengajian yang

beresuaian, lokaliti, gender atau isu-isu lain yang berkaitan bagi membolehkan SPA menapis calon-calon yang menepati keperluan dan kehendak Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Pelantikan Orang Kurang Upaya (OKU)

8. Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri disarankan untuk memberi peluang dan ruang kepada golongan OKU bagi mengisi kekosongan jawatan di Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri masing-masing. Jawatan-jawatan yang tidak memerlukan ujian fizikal boleh dipertimbangkan untuk diisi oleh golongan OKU yang berkelayakan. Pihak Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu mengenal pasti jawatan-jawatan beresuaian yang boleh diisi oleh golongan OKU bagi memastikan mereka mendapat peluang yang adil dan saksama. Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu memastikan persekitaran yang kondusif dan mesra OKU supaya pelaksanaan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada golongan OKU di setiap Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Negeri dapat dicapai sepenuhnya.

Pengisian Jawatan Di Gred Yang Lebih Tinggi

9. Terdapat beberapa skim perkhidmatan bersepadu yang membolehkan pelantikan secara 'lateral' ke gred-gred yang lebih tinggi. Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri boleh memperakukan calon dalaman

atau luaran yang berkecukupan kepada SPA untuk mengisi jawatan di gred yang lebih tinggi sama ada bagi jawatan tetap ataupun kontrak. Bagi tujuan tersebut, Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu menyediakan kriteria dan justifikasi bagi pelantikan ke gred-gred yang lebih tinggi dengan mengambil kira kelayakan akademik, pengalaman dan kepakaran pegawai atau calon. Justifikasi ini perlu dikemukakan terlebih dahulu kepada SPA untuk kelulusan sebelum proses selanjutnya diteruskan oleh Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Pengisian Jawatan Gunasama Dan Jawatan Kader

10. Ketua Perkhidmatan adalah bertanggungjawab untuk memohon kepada SPA bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada. Oleh itu, pihak Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri hendaklah memaklumkan kepada Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mengenai kekosongan yang ada di organisasi masing-masing. Urusan pengambilan hanya akan dijalankan setelah SPA menerima permohonan pengisian jawatan daripada Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Ketua Perkhidmatan bagi jawatan gunasama dan kader hendaklah peka tentang keperluan pengisian kekosongan jawatan yang berlaku di Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL) / Pegawai Sedang Berkhidmat (PSB)

11. Kaedah permohonan ke jawatan lebih tinggi di gred lantikan daripada pegawai PSL / PSB adalah sama dengan calon-calon Lantikan Terus (LT) iaitu dilaksanakan secara *online* menerusi Portal SPA. PSM di Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri hendaklah sentiasa memaklumkan kepada pegawai PSL dan PSB termasuklah pegawai yang ditempatkan secara kader supaya mereka tidak ketinggalan untuk dipertimbangkan ke gred jawatan-jawatan yang lebih tinggi yang mereka berkecenderungan.

12. Pegawai-pegawai PSL / PSB hendaklah sentiasa mengemas kini maklumat perkhidmatan di ruangan yang disediakan dalam portal SPA. Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri juga perlu memastikan pegawai berkenaan mendapat surat perakuan Ketua Jabatan, membawa Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) terkini, slip gaji terakhir dan ringkasan Kenyataan Perkhidmatan sewaktu menghadiri temu duga. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri untuk memastikan pegawai mereka telah mengisytiharkan harta mengikut Peraturan 10 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2008.

Perancangan Urusan Pengambilan Secara MyRecruitment

13. Bagi memantapkan integriti proses pengambilan untuk pengisian jawatan-jawatan kosong, usaha-usaha sedang dan terus dilakukan agar semua urusan berasaskan kepada model MyRecruitment. Memandangkan urusan pengambilan melalui model MyRecruitment ini perlu melalui proses tapisan, peperiksaan, pusat penilaian (*assessment centre*) dan temu duga, maka perancangan awal hendaklah dibuat oleh Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri dengan mengambil kira tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan saringan-saringan tersebut bagi memastikan pengisian dapat dibuat tepat pada masanya.

Peperiksaan *Online*

14. Peperiksaan *Online* telah mula dilaksanakan sejak tahun 2014 dan akan dilaksanakan sepenuhnya bagi jawatan-jawatan yang menggunakan kaedah pengambilan model MyRecruitment. Sekiranya Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri berhasrat untuk memantapkan pengisian jawatan berasaskan tapisan calon melalui peperiksaan, perbincangan awal perlu diadakan dengan SPA supaya kemudahan peperiksaan dapat disediakan dengan teratur, cepat dan lancar berdasarkan kepada butiran yang dipersetujui bersama.

**Mesyuarat Pra Temu Duga Bersama Pengerusi Lembaga Temu Duga (LTD)
/ Wakil Jabatan**

15. Proses temu duga merupakan komponen utama dalam proses pengambilan kerana calon-calon yang dilantik haruslah menepati keperluan dan kehendak Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, pegawai-pegawai Kementerian/ Jabatan/ Pentadbiran Kerajaan Negeri yang dilantik sebagai Pengerusi LTD atau Wakil Jabatan akan dijemput menghadiri mesyuarat ini sebagai persediaan temu duga bagi memastikan pemilihan calon yang tepat dan layak dilantik serta memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

TARIKH KUAT KUASA

16. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 April 2016**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD)
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia

28 Mac 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis